

20 PATI ditahan sibuk ubah suai bangunan

Johor Bahru: Seramai 20 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan Jabatan Imigresen (JIM) Johor ketika sedang sibuk menjalankan kerja pengubahsuaian sebuah bangunan di Mount Austin di sini, kelmarin.

Pengarah JIM Johor Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, kesemua PATI yang ditahan dalam Ops Kutip itu berusia antara 22 hingga 58 tahun.

Menurutnya, kesemua mereka itu terdiri daripada 16 warga China iaitu 14 lelaki dewasa dan dua perempuan dewasa serta empat lelaki dewasa warga Myanmar.

“Operasi itu membatikan sepasukan pegawai penguat kuasa dari Bahagian Penguat Kuasa JIM Johor dijalankan bagi mengesan pelanggaran undang-undang imigresen termasuk penggajian warga asing tanpa dokumen sah serta penyalahgunaan pas lawatan sosial.

“Ketika serbuan dijalankan, beberapa pekerja



Ketika serbuan dijalankan, beberapa pekerja asing cuba melarikan diri namun tindakan pantas penguat kuasa berjaya menghalang cubaan itu”

Mohd Rusdi

asing terbabit cuba melarikan diri namun tindakan pantas anggota penguat kuasa berjaya menghalang cubaan itu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Muhd Rusdi berkata, kesemua PATI itu disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Menurutnya, kesemua yang ditahan itu kemudiannya dibawa ke Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan dan tindakan lanjut.